

INFRA DESA BERBUKA PUASA BERSAMA PENERUSI BARU



Majlis Berbuka Puasa Infra Desa pada tahun ini lebih istimewa kerana mereka telah berpeluang untuk berbuka puasa dan meraikan Pengerusi baru Infra Desa iaitu YB Datuk Ir. Haji Hasni Hj Mohammad yang juga merupakan Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah Negeri Johor. Kehadiran YB telah disambut oleh YBhg Datuk Mohamed Zaini Amran, GCEO berserta ahli Lembaga Pengarah, pengurusan kanan serta warga kerja Infra Desa.

Majlis tersebut telah dilangsungkan di Villa Warisan, Johor Bahru pada 16 Julai 2013. YB Datuk Ir Haji Hasni turut memberikan ucapan dan menunaikan solat Tarawikh bersama -sama.

Di dalam ucapannya beliau mengucapkan tahniah dan berharap Infra Desa terus mengekalkan prestasi cemerlang yang telah dicapai pada tahun ini dan berusaha untuk menjadi contoh terbaik kepada syarikat -syarikat yang turut mempunyai kepentingan kerajaan negeri di dalamnya.

